

# KUMPULAN CERITA RAKYAT SARAWAK

## DENDAM SI BUJANG SENANG

Rafaie Ismail

Manusia dan makhluk-makhluk lain pada suatu ketika dahulu hidup aman dan damai. Begitulah juga halnya dengan masyarakat Melanau Vaie Segan di sekitar Bintulu. Kerukunan itu digambarkan melalui aktiviti harian mereka—bercucuk tanam, menangkap ikan di sungai, berburu dan seumpamanya. Masyarakat ini pada asalnya menetap di sekitar Kampung Jepak, Kampung Kuala Segan, Sungai Sepait dan di sepanjang laluan Sungai Kemena.

Pada suatu hari, selepas menuai, beberapa orang penduduk kampung telah mencadangkan diadakan satu majlis keramaian. Masing-masing berharap majlis tersebut nanti akan dapat mengeratkan lagi tali silaturahim dan persaudaraan sesama mereka. Ia juga satu peluang yang baik untuk mereka berehat dan bersuka setelah berbulan-bulan membanting tulang di sawah ladang. Kata sepakat dicapai dan ketua-ketua masyarakat masing-masing bersetuju mengadakan majlis keramaian itu.

Dalam majlis tersebut nanti akan diadakan acara bergendang. Sewaktu bergendang kaum lelaki akan *bertandak*<sup>1</sup> sambil *bermukun*<sup>2</sup>. Semasa bermukun mereka akan berbalas pantun dengan *Mak Gendang*. Majlis bergendang dan bermukun akan menjadi medan untuk orang menguji dan mencungkil bakat bertandak, bermukun dan berpantun serta mereka pentas dan membuat gendang yang lebih menarik bunyinya. Berpantun sudah menjadi warisan budaya setempat. Pada majlis beginilah mereka akan memilih pasangan mana yang paling lama bertandak serta dapat menewaskan mak gendang sewaktu berpantun.

---

<sup>1</sup> berjoget mengikut rentak paluan gendang

<sup>2</sup> berbalas-balas pantun

Penghulu Kuala Segan diberi penghormatan memulakan majlis memandangkan Kuala Segan merupakan penempatan yang terawal masyarakat Melanau di Bintulu. Ini sangat menggembirakan penduduk kampung tersebut.

Beberapa hari sebelum majlis keramaian diadakan pelbagai kerja persiapan dibuat. Ada yang mencari kayu api. Ada yang menyediakan pelbagai jenis makanan dan juadah. Tidak kurang pula yang sibuk menyediakan gelanggang untuk orang bertandak dan bermukun dengan pentas yang sederhana besar. Tempat duduk pembesar dan orang kenamaan dari kampung-kampung lain yang diundang turut disediakan.

Saat yang ditunggu-tunggu pun tiba. Majlis diadakan pada sebelah malam dengan meriah. Keluarga Penghulu Kuala Segan berbangga kerana kaum kerabat dari kampung yang berdekatan juga dapat hadir dalam majlis tersebut. Penghulu Kuala Segan bersetuju untuk mengadakan majlis selama tujuh hari berturut-turut. Kemuncaknya nanti ialah pengumuman tentang anak muda yang paling hebat berpantun dan bermukun. Dialah yang akan dijodohkan dengan anak gadis Tuk Penghulu. Bagaimanapun ada syarat lain akan menyusul sepanjang tempoh tali pertunangan dimeterai.

Bagi sebilangan besar anak muda Kampung Kuala Segan dan kampung-kampung yang berdekatan, kisah kejelitaan anak Tuk Penghulu sudah lama meniti di bibir mereka. Ramai yang memasang angan-angan untuk memikat gadis yang tersebut.

Tanpa disedari, cerita kehebatan masyarakat Melanau bergendang, bermukun dan bertandak telah sampai ke pengetahuan sekumpulan keluarga buaya. Oleh itu timbullah keinginan sekumpulan pemuda buaya untuk turut serta dan menguji bakat masing-masing! Tambahan pula, pemuda-pemuda buaya itu ada mendengar bahawa

Penghulu Kuala Segan ingin mencari jodoh buat anak gadisnya dalam satu majlis bergendang yang sedang diatur. Anak gadis penghulu itu juga cantik orangnya. Pemuda-pemuda buaya tadi pun masing-masing mencari jalan untuk hadir dalam majlis bergendang tersebut tanpa pengetahuan orang ramai. Tanpa disedari oleh rakan-rakannya pemuda buaya yang bernama Bujang juga memasang angan-angan untuk beristerikan anak Penghulu Kuala Segan.

Seperti yang dirancang, pada suatu malam, Bujang dan empat rakannya pun mulalah menyusuri tebingan sungai dan berenang perlahan-lahan dengan penuh hati-hati ke arah Kampung Kuala Segan. Masing-masing berasa bimbang kalau-kalau diketahui orang. Sebaik sahaja sampai di pangkalan Kampung Kuala Segan buaya-buaya tadi pun terus menanggal kulit masing-masing dan bertukar menjadi manusia. Kulit-kulit buaya tadi disembunyikan di dalam sebuah perahu usang dan ditimpa dengan daun kelapa yang sudah tua dan mulai luruh.

Bujang dan rakan-rakan pun mulalah menapak ke arah tempat majlis keramaian sedang diadakan. Bunyi paluan gendang dan riuh rendah orang ramai jelas kedengaran. Mereka berlima kagum dengan kehadiran orang ramai yang sedang menyaksikan majlis bergendang. Majlis itu ternyata meriah. Beberapa pasangan berselisih ganti mencuba nasib. Namun, kehebatan Mak Gendang berjaya menewaskan pantun-pantun yang dijual oleh pemantun-pemantun yang keluar masuk gelanggang.

Beberapa orang anak muda dari Kuala Segan, Sungai Sepait dan Jepak juga gagal menewaskan kehebatan Mak Gendang yang memang hebat bermukun itu. Mak Gendang tersebut ternyata luar biasa hebatnya sewaktu mematahkan pantun-pantun yang dijual. Rentak paluan gendangnya bertingkah-tingkah sangat mengasyikkan.

Pada mulanya Bujang dan rakan-rakan sekadar memerhati sahaja tetapi tetap menunggu peluang yang baik untuk masuk gelanggang.

Sebaik sahaja berpeluang, Bujang dan rakan-rakannya tadi pun terus masuk ke gelanggang dan mula bertandak serta bermukun. Sewaktu Bujang sedang bertandak dia mencuri-curi pandang tetamu yang berada di sebalik tabir. Degupan jantung Bujang kian menjadi-jadi apabila dia nampak seorang gadis berwajah ayu dikelilingi beberapa orang rakan sedang duduk bersimpuh menyaksikan setiap pasangan masuk-keluar gelanggang. Bujang yakin gadis itu ialah anak Penghulu Kuala Segan. Orangnyanya tinggi lampai dan berkulit cerah. Matanya bercahaya dan lehernya jinjang.

Bujang benar-benar terpesona. Dia bertekad untuk menandingi kehebatan Mak Gendang. Ternyata dia mampu melakukannya. Semua pantun Mak Gendang berjaya dibalas dengan baik dan spontan. Orang ramai yang menyaksikan keramaian malam itu turut terpegun melihat kebijaksanaan Bujang dan rakan-rakan membalas setiap pantun Mak Gendang. Mereka bukan sahaja kagum mendengar kepetahan Bujang dan rakan-rakan bermukun tetapi juga suara Bujang yang lunak merdu. Suaranya seakan-akan suara seorang biduan. Mereka berbalas-balas pantun hingga ke dinihari.

Kerana melihat kehebatan Bujang dan rakan-rakan tadi Penghulu Kuala Segan lalu pergi menemui mereka sebaik sahaja majlis malam pertama itu selesai. Dia mempelawa Bujang dan rakan-rakan untuk tinggal di situ sepanjang pesta diadakan tetapi Bujang menolak dengan baik dengan alasan tersendiri.

Penghulu Kuala Segan kemudian meminta Mak Gendang meneruskan acara yang sama hingga ke malam terakhir pesta. Jika mereka berlima masih juga berjaya menewaskan Mak Gendang maka akan diisytiharkan secara rasmi siapa pemenangnya. Calon menantunya juga akan dimaklumkan. Bagaimanapun ada lagi

syarat-syarat lain yang perlu orang itu penuhi sebelum dia disahkan sebagai bakal menantu. Antaranya, dia perlu mengambil bahagian dan menang dalam pertandingan pencak silat yang akan diadakan. Kemahiran ini merupakan keperluan asas yang perlu ada pada seseorang yang terpilih sebagai pemimpin.

Kehadiran Bujang dan rakan-rakan dicemburui beberapa orang pemuda dari kampung lain yang turut bertandang ke situ. Salah seorang daripada mereka itu ialah Buyung Adil, anak Penghulu Kampung Sepait yang berkelana ke kampung seberang untuk berdikari. Buyung Adil tidak suka terlalu bergantung hidup pada orang tuanya. Kisah kehebatan Bujang dan rakan-rakan bermukun dan berbalas pantun sudah sampai ke telinga Buyung Adil sejak malam pertama dia bertandang ke majlis keramaian Penghulu Kuala Segan. Dia juga ada mendengar berita tentang anak gadis Penghulu Kuala Segan yang jelita. Semasa menghadiri majlis tersebut Buyung Adil turut terpancang wajahnya. Buyung Adil benar-benar terpikat. Bagaimanapun, dia tahu, untuk mendapatkan gadis itu dia bukan sahaja perlu mahir bermukun atau berpantun tetapi perlu ada ilmu dan kemahiran mempertahankan diri.

Buyung Adil kebetulan kurang minat untuk bermukun. Dia lebih senang memerhati dari luar gelanggang sahaja. Bagaimanapun, pada masa yang sama, demi maruah dan harga diri sebagai lelaki, dia tidak mahu membiarkan Bujang dan rakan-rakan terus menjadi wira. “Pantang keturunan datuk-nenekku dicabar oleh orang luar!” fikiran.

Sepanjang majlis keramaian itu berlangsung Buyung Adil pun memerhati dari jauh sahaja. Dia ingin menyiasat sendiri dahulu asal-usul kelima-lima anak muda yang belum pernah dilihatnya selama dia menetap di situ.

Malam berikutnya, Bujang dan rakan-rakannya tiba lebih awal. Penghulu Kuala Segan mengarahkan mereka masuk ke dalam gelanggang seperti selalu. Kali ini

dia berniat menguji apakah betul Bujang dan rakan-rakannya benar-benar hebat orangnya. Dalam sejarah hidup Penghulu Kuala Segan belum pernah ada orang yang dapat menandingi kepetahannya bermukun.

Orang ramai yang memang terpegun dan terhibur dengan kehebatan Bujang dan rakan-rakannya tidak sedikit pun membantah cadangan Penghulu Kuala Segan. Suara Bujang yang lunak dan merdu itu seakan-akan menikam kalbu setiap orang yang mendengar termasuk Penghulu Kuala Segan sendiri. Dalam diam-diam beliau juga ingin menyiasat latar belakang anak muda berlima itu. “Kalau kena caranya senang aku bertandang ke kampung mereka nanti,” fikirnya. Bagaimanapun ada sesuatu yang menimbulkan kemusykilan dalam hati Penghulu Kuala Segan. Mereka berlima akan cepat-cepat meninggalkan majlis pada awal-awal pagi sebaik sahaja terdengar bunyi ayam berkokok.

Sementara itu rasa marah, cemburu dan dendam kesumat Buyung Adil sudah semakin menjadi-jadi apalagi apabila melihat Penghulu Kuala Segan melayan Bujang dan rakan-rakannya dengan mesra. Dia ingin menyiasat asal-usul pemuda-pemuda itu. Buyung Adil tidak suka cara penghulu menerima tetamu dari luar secara sembarangan tanpa usul periksa. Jika perlu, Buyung Adil sanggup membunuh mereka! Darah pahlawan datuk neneknya masih mengalir dalam tubuhnya.

Sepanjang malam itu pasangan lain langsung tidak berpeluang masuk ke dalam gelanggang kerana dikuasai sepenuhnya oleh Bujang dan rakan-rakannya. Anak gadis Penghulu Kuala Segan pula sangat gembira melihat Bujang. Setakat ini Bujanglah sahaja yang dia berkenan. Anak-anak muda dari kampung lain memendam perasaan tetapi masing-masing mengakui kehebatan Bujang dan rakan-rakan.

Perasaan ingin tahu Buyung Adil semakin meruap-ruap terutama apabila melihat gelagat mereka berlima seperti agak mengada-ngada dan menunjuk-nunjuk.

Buyung Adil semakin curiga kerana, seingatnya belum pernah dia menemui anak muda dari kampung itu yang sehandal mereka dalam acara berbalas pantun. “Kalau dikatakan dari kampung yang berhampiran tentu ada bekas tapak kaki mereka, “ fikirnya.

Malam itu Buyung Adil senyap-senyap keluar menyiasat. Sewaktu dia sedang mengikat tali perahunya pada sepohon kelapa dia terdengar bunyi kocakan air seperti ada orang berenang. Dalam fikirannya, mustahil ada orang berenang malam-malam begitu. Buyung Adil kemudian ternampak bayang-bayang beberapa lembaga hitam sedang berenang menghala ke arah tebingan sungai tempat dia menambatkan perahunya. Dia cepat-cepat bersembunyi di sebalik semak berdekatan pohon kelapa.

Ketika itu, bulan purnama kebetulan sudah mula merangkak di kaki langit. Buyung Adil ternampak beberapa ekor buaya sedang mendarat di tebingan sungai dan dalam sekelip mata sudah bertukar menjadi manusia! Manusia jelmaan itu kemudian menyembunyikan sesuatu di dalam sebuah perahu usang yang tersadai berdekatan sebuah semak yang jaraknya cuma beberapa langkah daripada tempat persembunyian Buyung Adil.

Pada mulanya Buyung Adil terfikir untuk terus menyerang tetapi tidak jadi kerana takut tindakannya itu mengundang bahaya. Dia pun membuat keputusan untuk mengekori mereka. Tekaan Buyung Adil memang tepat. Anak-anak muda tadi berjalan menuju ke tempat majlis keramaian Penghulu Kuala Segan. Daripada sorotan pandangan mata Buyung Adil memang sahlah salah seorang daripada mereka ialah pemuda yang paling hebat bermukun dan berpantun itu.

Buyung Adil terus menapak dan sengaja ingin menyaksikan majlis keramaian pada malam itu seperti malam-malam yang lalu. Kali ini dia sudah mengatur

rancangannya sendiri. Dalam masa yang sama Buyung Adil juga ingin terus melihat lakonan Bujang dan rakan-rakannya..

Penghulu Kuala Segan menukar kaedah bermukun dan bertandak. Kali in dimulakan oleh pasangan tua, diikuti oleh beberapa pasangan anak muda dari kampung lain. Ternyata kehebatan Mak Gendang sukar mereka tandingi Apabila sampai giliran Bujang dan rakan-rakan pula Mak Gendang seolah-olah sudah hilang ilham untuk membalas pantun mereka. Sesekali ada juga Mak Gendang tidak terjawab langsung hingakan terpaksa dibantu oleh Bujang dan rakan-rakan sendiri. Orang ramai mula gamat dan riuh rendah namun tetap terhibur. Beberapa orang anak gadis yang berada dalam majlis tersebut masing-masing memasang angan-angan untuk memikat Bujang atau salah seorang rakannya tadi. Buyung Adil bertambah meluat melihat gelagat mereka.

Ketika Bujang dan rakan-rakan masih asyik bertandak dan bermukun Buyung Adil pun senyap-senyap keluar menyiasat apa yang disembunyikan oleh anak-anak muda itu di tepi sungai tadi. Buyung Adil meredah malam yang masih muda dalam keadaan tergesa-gesa, bimbang tindakannya dapat dihidu oleh Bujang dan rakan-rakan. Langkahnya pantas tetapi mudah kerana dipandu oleh cahaya bulan purnama yang sudah sepertiga di dada langit.

Sesampai sahaja dia di tempat yang dituju Buyung Adil terus menggeledah perahu usang yang tersadai di tebing sungai. Dia ternampak beberapa pasang kulit buaya yang dilipat baik-baik tersorok di dalam perahu. Sekarang tahulah dia asal-usul Bujang dan rakan-rakannya.

Buyung Adil cepat-cepat kembali semula ke tempat majlis keramaian yang masih rancak berjalan. Dia sampai kebetulan ketika giliran Bujang dan rakan-rakan

masuk ke gelanggang sekali lagi. Orang ramai tampak terhibur oleh gelagat mereka yang memang pandai bertandak dan bermukun. Majlis berlangsung seperti biasa.

Kali ini Penghulu Kuala Segan memberanikan diri mempelawa anak-anak muda tadi untuk bermalam sahaja di rumahnya tetapi ditolak baik-baik oleh Bujang dan rakan-rakan. Alasan mereka, tempat tinggal mereka jauh. Lagipun esok harinya mereka perlu mencari nafkah untuk membantu orang tua. Sejuk juga hati Penghulu Kuala Segan apabila mendengar jawapan dan penjelasan pemuda-pemuda itu..

Seperti yang dirancang, Buyung Adil merapatkan perahunya ke tebingan sungai. Air sungai agak besar pasangnyanya. Lingkaran garis bulat pada bulan purnama nampak jelas. Mulut Buyung Adil kumat-kamit membacakan sesuatu sambil memerhati ke arah dada sungai yang mulai berkocak. Ada riak-riak kecil menandakan ada sesuatu pergerakan berlaku di dada sungai. Cepat-cepat dia menyorokkan diri dalam rimbunan semak yang agak tebal berdekatan dengan pohon kelapa tempat dia menambatkan perahunya.

Daripada simbahannya cahaya bulan purnama yang sudah segalah tingginya Buyung Adil ternampak beberapa lembaga sedang merapat ke tebing dan menjelma sebagai manusia. Mereka kemudian masing-masing menyorokkan sesuatu ke dalam perahu usang di tebingan sungai.

Buyung Adil sengaja membatukan diri. Suara unggas dan cengkerik malam kian gamat mengitari seluruh kawasan hutan tempat dia bersembunyi. Setelah berasa selamat Buyung Adil bergegas ke arah perahu usang tadi dan cepat-cepat mengambil kulit-kulit buaya yang disembunyikan di dalamnya. Selepas itu dia bergegas pulang. Bunyi paluan gendang dan gesekan biola sudah kedengaran sayup-sayup di kejauhan. Buyung Adil melangkah lebih pantas daripada biasa.

Bunyi sorakan orang ramai yang menyaksikan majlis bergendang mulai gamat. Tambahan pula anak-anak muda buaya sudah masuk ke dalam gelanggang. Pesta pun bermula. Suara Mak Gendang pula kian hebat pada malam itu, seolah-olah dia sudah mendapat semangat baru.

Buyung Adil masih bersabar dan pula-pula memerhati dari luar gelanggang seperti biasa. Majlis berlangsung agak meriah. Acara bertandak dan bermukun kian rancak. Seseekali ada jeritan suara anak muda yang tidak sabar-sabar mahukan anak muda buaya itu berikan peluang pada orang lain.

Sebagaimana biasa, seluruh majlis dikuasai anak-anak buaya itu. Penghulu Kuala Segan cepat-cepat bangun apabila mendapati calon pilihannya masih belum ada tandingan. Dia ingin menamatkan majlis pada malam itu lebih awal daripada biasa. Beliau bimbang anak-anak buahnya tidak dapat bekerja keesokan harinya.

Orang ramai mula senyap apabila Mak Gendang mula menamatkan majlis dengan beberapa rangkap pantun. Penghulu Kuala Segan kemudian tampil ke tengah gelanggang dan cuba membuat pengumuman rasmi tentang kehebatan anak muda yang menjadi pilihan barisan penilai. Bagaimanapun sebelum sempat pengumuman dibuat anak-anak muda buaya tadi mula berasa resah-gelisah seperti ada sesuatu yang tidak kena. Badan mereka kepanasan.

Ketika itulah Buyung Adil tampil ke hadapan orang ramai. “Kamu semua tahu apa yang saya pegang ini?” katanya dengan suara yang kuat dan tinggi sambil membakar kulit buaya yang dipegangnya. Baunya bermacam.

Orang ramai mula menjauhkan diri kerana takut sesuatu yang buruk berlaku. Buyung Adil segera membakar kulit buaya dalam tangannya, menyebabkan pemuda-pemuda buaya tadi berasa semakin kepanasan.

Tiba-tiba berlakulah perebutan antara Buyung Adil dan salah seorang anak muda buaya tadi. Secepat kilat Buyung Adil membakar dua lagi kulit buaya yang lain, menyebabkan mereka terus kepanasan. Sesuatu yang ganjil pun berlaku. Anak-anak muda buaya tadi tiba-tiba rebah di atas lantai dan mula merangkak-rangkak lalu menjelma dalam bentuk buaya! Tubuh badan buaya-buaya itu menjadi putih.

Buyung Adil menerkam salah satu daripada empat ekor buaya tadi. Berlakulah satu pergelutan yang hebat antara Buyung Adil dan buaya-buaya itu. Melihat demikian, orang ramai yang menyaksikan pertarungan tersebut, segera membantu Buyung Adil. Dengan demikian, buaya-buaya tadi pun berjaya dibunuh kecuali salah seekor yang sempat melarikan diri. Tidak semena-mena anak gadis Penghulu Kuala Segan meraung-raung seolah-olah kerasukan. Beberapa orang pawang dan dukun dipanggil untuk merawatnya tetapi tetap tidak berhasil.

Malam itu Penghulu Kuala Segan bermimpi didatangi penghulu buaya. Penghulu buaya tersebut menyuarakan rasa marah dan dendamnya terhadap manusia. “Mulai sekarang kami akan merasuk dalam tubuh manusia yang alpa. Kalau berpeluang kami juga akan membaham kamu tanpa mengira usia!” katanya.

Salah seekor daripada anak buah penghulu buaya dalam mimpi Penghulu Segan itu berwarna putih. Antara jelas dengan tidak buaya tersebut menamakan dirinya Bujang Senang.

---

Cerita ini disampaikan oleh Rafeie Ismail dalam Buku Kumpulan Cerita Rakyat Sarawak Kerana Dayang Petera, 2014.